



# Sesi Konsultasi bagi Cadangan Integrasi Penilaian (CIA) ke dalam Analisis Impak Persaingan Peraturan (RIA)

13 Jun 2023  
Portal Unified Public Consultation

► Presented By :

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

► Presented to :

Penyelaras Peraturan



# Kandungan Proprietari dan Penafian

## PENAFIAN

Maklumat dalam pembentangan ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas umum dari pemegang kepentingan yang berkaitan dengan Penilaian Impak Persaingan. Maklumat yang diperoleh di sini adalah sulit dan rahsia, dan tidak boleh digunakan, disalin atau diedarkan sebelum mendapat **persetujuan bertulis** daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Ini tidak terpakai kepada sebarang maklumat yang tersedia secara umum ketika disediakan atau yang kemudiannya menjadi tersedia secara umum.

## Anonimiti

Kami ingin memberi jaminan bahawa respons anda adalah sepenuhnya anonim dan tiada maklumat peribadi yang akan didedahkan melainkan anda telah bersetuju secara sukarela. Respons anda akan dikenal pasti sebagai respons daripada organisasi yang anda wakili.

# Agenda

**BAHAGIAN I** Latar Belakang, Objektif dan Gambaran Keseluruhan

---

**BAHAGIAN II** Kerangka Penilaian Impak Persaingan (CIA)

---

**BAHAGIAN III** Senarai Semak Penilaian Impak Persaingan (CIA)

---

**BAHAGIAN IV** Garis Panduan Penilaian Impak Persaingan (CIA)

---

# Bahagian I


## Latar Belakang, Objektif dan Gambaran Keseluruhan

# Latar Belakang



Penilaian Impak Persaingan ("CIA") merupakan komponen sedia ada di bawah kerangka Analisis Impak Peraturan ("RIA") seperti yang termaktub di dalam Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan ("NPGRP"). (lihat halaman 1 dan 11 NPGRP).

Integrasi CIA ke dalam RIA adalah penting di dalam proses penggubalan peraturan kerana ia memastikan peraturan yang dikeluarkan **adalah selaras dengan undang-undang persaingan dan Amalan Baik Peraturan.**



Sejumlah **79 nasihat dasar telah dikeluarkan oleh MyCC antara 2011 hingga 2022**. Ini merangkumi larangan terhadap amalan antipersaingan serta perilaku yang menyalahgunakan kedudukan dominan.

**Pelaksanaan dan penguatkuasaan CIA tidak jelas disebabkan oleh kekurangan mekanisme dan/atau maklumat tentang CIA.**



**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)** ialah pengawal selia yang melaksanakan CIA bagi peraturan yang dicadangkan di Malaysia yang mungkin memberi kesan kepada persaingan. (lihat halaman 11 NPGRP) MyCC menilai impak peraturan terhadap persaingan di dalam pasaran bagi jangka masa pendek dan panjang, dan mungkin membuat cadangan kepada penggubal dasar bagi tujuan mempromosikan persaingan. Keterlibatan MyCC memastikan langkah-langkah pengawalseliaan adalah selari dengan prinsip undang-undang persaingan.

# Objektif

## OBJEKTIF SESI KONSULTASI

Selaras dengan Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP) yang membuat konsultasi mandatori bagi setiap peraturan yang dicadangkan, MyCC bercadang untuk mengadakan Sesi Konsultasi bersama pihak-pihak berkepentingan bagi tujuan:

- ✓ Untuk **memberi maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan** dan membantu mereka memahami kerangka CIA; dan
- ✓ Untuk **mendapatkan maklum balas** daripada pihak-pihak berkepentingan bagi memahami keperluan, keimbangan, dan perspektif pengawal selia dengan lebih baik.




## HASIL SESI KONSULTASI


Maklum balas yang diterima semasa Sesi Konsultasi akan dinilai untuk menambahbaik draf rangka kerja CIA

# Integrasi CIA ke dalam RIA


MyCC telah menghasilkan *toolkit* yang komprehensif untuk menyokong integrasi Penilaian Impak Persaingan (CIA) ke dalam Analisis Impak Peraturan (RIA). *Toolkit* ini merangkumi tiga komponen utama:



Rangka Kerja Penilaian Impak Persaingan (CIA)



Senarai Semak CIA bagi proses penilaian awal



Garis Panduan CIA bagi membantu pengawal selia untuk menjalankan CIA

# Bahagian II

## Kerangka Penilaian Impak Persaingan (CIA)

# Kerangka Keseluruhan RIA

## Peringkat 1

Notifikasi Peraturan Secara Digital

Maklum Balas Notifikasi Peraturan

## Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

Proses digital di mana pengawal selia boleh mengemukakan cadangan mereka mengenai peraturan baru atau yang dipindah untuk mengetahui sama ada RIA diperlukan.

## Peringkat 2

Penilaian Awal

Nota Penilaian Awal

## Peringkat 3

Penilaian Akhir

Nota Penilaian Akhir

## Analisis Impak Peraturan (RIA)

Satu proses secara sistematik mengenal pasti dan menilai kesan yang dijangka daripada cadangan peraturan, dengan menggunakan kaedah analisis yang konsisten (7 elemen RIA) - Laman web MPC

## Penyata Impak Peraturan (RIS)

Dokumen yang mengandungi 7 elemen RIA yang termasuk antara lain pernyataan masalah, objektif, dan sebagainya.



# Proses RIA semasa

## PERINGKAT 1 – NOTIFIKASI PERATURAN SECARA DIGITAL (DRN)

Pengawal selia memaklumkan kepada MPC melalui sistem DRN



## PERINGKAT 2 – PENILAIAN AWAL

Pengawal selia mengemukakan RIS kepada MPC yang mengandungi 4 elemen pertama.  
MPC menilai 4 elemen pertama kemudian memberikan nota penilaian awal berserta surat iringan.



## PERINGKAT 3 – PENILAIAN AKHIR

Pengawal selia mengemukakan RIS yang mengandungi kesemua 7 elemen kepada MPC.  
MPC menilai kecukupan kesemua 7 Elemen dan memberikan penilaian akhir bersama dengan surat iringan.

# Cadangan Integrasi CIA ke dalam RIA

## PERINGKAT 1 – NOTIFIKASI PERATURAN SECARA DIGITAL (DRN)

Pengawal selia memberi notifikasi kepada MPC dan **MyCC** menggunakan sistem DRN. **Sistem ini akan menilai sama ada RIA diperlukan dan jika ya, sistem ini juga akan menilai sama ada CIA diperlukan (menggunakan Senarai Semak CIA)**



## PERINGKAT 2 – PENILAIAN AWAL

Pengawal selia mengemukakan Penyata Impak Peraturan (RIS) yang mengandungi empat elemen pertama. **Jika pengawal selia dikehendaki menjalankan CIA, pengawal selia perlu merujuk kepada Garis Panduan CIA untuk Elemen 3 dan 4 RIA bagi memastikan maklumat impak persaingan disediakan**

MPC akan menilai 4 Elemen Pertama dan **MyCC hanya akan menilai Elemen 3 dan 4 sahaja**. MPC kemudian akan memberi dan mengemukakan Nota Penilaian Awal beserta surat iringan.



## PERINGKAT 3 – PENILAIAN AKHIR

Pengawal selia mengemukakan kesemua 7 Elemen kepada MPC. **Dalam penyerahan kepada MPC, pengawal selia harus menyatakan bahawa mereka telah mempertimbangkan dan menangani isu persaingan yang dikemukakan di dalam Nota Penilaian Awal.**

MPC menilai kecukupan kesemua 7 Elemen dan menyediakan penilaian akhir bersama dengan surat iringan.

# **Peringkat 1 – Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)**

# Peringkat 1: Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

Name

Designation

Name of Ministry  Click to select

Name of Agency  Click to select

Division/Department

Phone

Email

**PROPOSAL**

Title of the Proposal

Proposal Objective   
Please provide a brief outline of the proposal. This could include the following information:  

- The problem that the regulation is attempting to solve, and the government's objectives
- Any preliminary options that are being considered.

Regulatory Option  Click to select

Relevant Industry  Click to select

**DECLARATION**

I hereby declare that the details furnished in the Form are true and accurate to the best of my knowledge and belief. I understand that the information provided by me in the Form shall be used for the purposes of determining as to whether a RIA is required for the Proposal and as such, I undertake to inform MPC of any changes therein immediately. I am responsible for the information that I have submitted and I am aware that I may be held liable in case any of the information that is found to be false, untrue, or misleading. Lastly, I also agree to hold harmless and indemnify and keep indemnified Malaysia Productivity Corporation based on the information that I have submitted.

By pressing the "Submit" button below, I hereby acknowledge that I have completely read, understood, and agree to be bound by this Declaration Form.

**SUBMIT**

**Muka Depan**  
Maklumat PIC, tajuk dan butiran cadangan  
serta pernyataan kebenaran

# Peringkat 1: Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

WHICH CATEGORY IS SUITABLE TO DESCRIBE YOUR PROPOSAL? (PLEASE CHOOSE ONE)

- National security and sovereignty

JUSTIFICATION

- Criminal Law, such as the Penal Code

JUSTIFICATION

- Administrative circulars that are intended for public service administration

JUSTIFICATION

- Exceptional circumstances which deal with urgent matters and require immediate action.

Example - Pandemic outbreak that occurs which requires immediate passing of legislation.

JUSTIFICATION

- Government/Public Policy (Policy/Blueprint/Vision) that act as strategic planning in long term example Shared Prosperity Vision 2030

JUSTIFICATION

- None of the Above

NEXT

## Soalan-Soalan Pengecualian

Jika cadangan tersebut termasuk di bawah perkara-perkara ini, ia akan dikecualikan daripada menjalankan RIA

# Peringkat 1: Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

PLEASE CHOOSE THE MOST RELEVANT IMPACT OF YOUR PROPOSAL

- create barriers for businesses to enter or exit an industry?
- deter foreign investors to enter the local market or local investors to enter the foreign market?
- cause trade barriers? Including the impact on trade export or import?
- impact on international trade?
- impact on employment?
- impact environment? Including deforestation and biodiversity?
- have risks of toxic clouds, fire and explosion?
- has possible impact of wastes? (e.g: Effluents and emissions)
- impact on public health?
- impact on education system?
- lead to resources depletion and affected the livelihood of nearby community economically?
- None of the above


DOES YOUR PROPOSAL: (PLEASE CHOOSE ONE)

- impact license, permit or any authorisation process?
- impact on consumers?
- impact small businesses?
- impact firm equity requirement?
- impact on gender inequalities?
- impact on national heritage?
- impact on cultural practice?
- impact non-profit organisations?
- None of the above

## Senarai Impak


Halaman ini akan menentukan sama ada *Full RIA*, *Light RIA* atau hanya konsultasi diperlukan bergantung kepada impak yang dipilih sama ada besar atau kecil.

# 5 Langkah dalam Notifikasi Peraturan Secara Digital



Source: [Digital Regulatory Notification | Official Website of Malaysia Productivity Corporation \(mpc.gov.my\)](#)

# 6 Langkah dalam Notifikasi Peraturan Secara Digital



# Keseluruhan Proses DRN



**Nota:** Masa yang diambil bagi mendapatkan respons DRN berkaitan RIA dan CIA adalah automatik

## Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

### Notifikasi Peraturan Secara Digital (DRN)

#### Analisis Impak Peraturan (RIA)

BARU!

Ya

#### Penilaian Impak Persaingan (CIA)

Aplikasi Senarai Semak CIA

Ya

RIA dan CIA diperlukan

Tidak

RIA diperlukan. CIA tidak diperlukan

Tidak

RIA tidak diperlukan/dikecualikan

# Peringkat 2 – Penilaian Awal

# Peringkat 2: Penilaian Awal

Semasa

Pengawal selia mengemukakan RIS yang mengandungi 4 elemen pertama



MPC menilai 4 elemen pertama dan kemudian MPC akan mengemukakan Nota Penilaian Awal bersama-sama dengan surat iringan.

## 4 Elemen Pertama RIA

1

Penyataan Masalah

2

Objektif

3

Opsyen

4

Analisis Impak

# Peringkat 2: Penilaian Awal

## Cadangan

Pengawal selia mengemukakan RIS yang terdiri daripada 4 elemen pertama. **Jika pengawal selia dikehendaki menjalankan CIA, pengawal selia hendaklah merujuk kepada Garis Panduan CIA bagi Elemen 3 dan 4 RIA untuk memastikan maklumat impak persaingan disediakan.**

MPC akan menilai 4 elemen pertama dan MyCC akan menilai Elemen 3 dan 4 sahaja. MPC kemudian akan mengeluarkan Nota Penilaian Awal bersama-sama surat iringan yang mengandungi kedua-dua penilaian RIA dan CIA. MyCC akan dimaklumkan dan diberikan salinan Nota Penilaian Awal tersebut.

### 4 Elemen Pertama RIA

1

Penyataan Masalah

2

Objektif

AKAN DIPINDA

3

Opsyen

4

Analisis Impak

# Elemen 3: Opsyen

## Keperluan RIA

Mengenal pasti pelbagai opsyen alternatif termasuk, mengikut keadaan, opsyen bukan peraturan, peraturan kendiri dan peraturan bersama.

Mengenalpasti opsyen bukan peraturan

Mengaitkan opsyen kepada objektif yang dikenalpasti (iaitu, menerangkan bagaimana ia akan mencapai objektif tersebut).

Jika hanya satu opsyen (selain daripada opsyen "tidak melakukan apa-apa") yang dipertimbangkan dalam RIS, justifikasi yang kukuh perlu diberikan untuk menjelaskan perkara ini.

## Keperluan CIA

**Mengenalpasti tujuan peraturan**

**Mengenalpasti elemen khusus yang menghasilkan gangguan terhadap persaingan**

**Menambah opsyen alternatif yang tidak menimbulkan gangguan terhadap persaingan**

**BARU!**

# Elemen 4: Analisis Impak

## Keperluan RIA

Mengenalpasti kumpulan dalam komuniti yang mungkin terkesan oleh setiap opsyen.

Menentukan impak ekonomi, sosial dan alam sekitar yang signifikan ke atas mereka.

Menganalisis kesan opsyen tidak melakukan apa-apa sebagai asas.

Menilai semua pilihan yang disokong oleh bukti menggunakan status quo sebagai asas.

Mengenalpasti sama ada opsyen-opsyen mempunyai impak jangka panjang

Menilai impak setiap opsyen ke atas perniagaan/industri.

Menilai kos dan faedah signifikan yang lain pada tahap yang bersesuaian

Menilai sejauh mana setiap opsyen akan mengurangkan risiko yang berkaitan.

Menilai sama ada opsyen memadai untuk mencapai objektif yang ditakrifkan.

Merekodkan apa-apa piawaian antarabangsa yang berkaitan.

Menilai jika peraturan tersebut memelihara atau menghadkan persaingan.

## Keperluan CIA

BARU!

**Mengenalpasti opsyen peraturan dan menyediakan opsyen alternatif yang tidak menimbulkan gangguan terhadap persaingan.**

**Mengemukakan justifikasi bahawa manfaat melebihi kos bagi opsyen peraturan yang mungkin menimbulkan gangguan terhadap persaingan.**

**Identifikasi kesan-kesan memilih opsyen peraturan yang mungkin menimbulkan gangguan terhadap persaingan.**

# Keseluruhan Penilaian Awal

1

## PENILAIAN AWAL

**Nota:** Pengawal selia akan menghantar Penyata Impak Peraturan melalui emel kepada MPC dan MyCC (emel kumpulan) untuk memastikan semua pegawai yang bertanggungjawab dimaklumkan.

2

## PENYATA IMPAK PERATURAN *(Elemen 1 - 4)*



3

## NOTA PENILAIAN AWAL

MPC akan berkongsi Nota Penilaian Awal bersama MyCC



MPC menerima RIS daripada pengawal selia



MyCC menerima RIS daripada pengawal selia

MPC menilai RIA dalam masa 21 hari bekerja [TBD]

MyCC menilai RIA dalam masa 21 hari bekerja [TBD]

# Peringkat 3 – Penilaian Akhir


# Peringkat 3: Penilaian Akhir

Semasa

Pengawal selia akan mengemukakan RIS yang mengandungi kesemua 7 elemen RIA kepada MPC



MPC akan menilai kecukupan kesemua 7 elemen dan menghasilkan Penilaian Akhir bersama surat iringan.



Source: <https://grp.miti.gov.my/index.php/pages/view/2?mid=654>

# Peringkat 3: Penilaian Akhir

Tiada perubahan pada proses penilaian akhir, tetapi...

Apabila mengemukakan RIS akhir, pihak pengawal selia perlu mengakui bahawa ia telah **mempertimbangkan nasihat daripada MyCC** yang dinyatakan di dalam Penilaian Awal di bahagian kesimpulan dan cadangan, serta memasukkan penafian bahawa **ia tidak akan mempertanggungjawabkan MyCC** di atas keputusannya.

I have read the Regulatory Impact Statement and I am satisfied that (a) it represents a fair and reasonable view of the expected costs, benefits, and impact of the policy, (b) that the benefits justify the costs, and (c) we have considered the opinion of MyCC.

Signature

Name:  
Designation:  
Date:

Pengakuan bagi pertimbangan nasihat daripada MyCC dan penafian liabiliti MyCC perlu dimasukkan sebelum menandatangani Penyata Impak Peraturan. Oleh itu, item 5.4 Buku Panduan 2.0 Amalan Baik Peraturan mungkin perlu dipinda untuk mencerminkan perkara yang sama.


## 5.4 RIS Process Sign-Off

RIS must be certified by the Secretary-General of a Ministry or the Director General of an Agency or the Chief Executive of an Organisation prior to its submission to MPC for final assessment.

Apabila Senarai Semak CIA diperlukan dalam sistem DRN, **MPC akan berkongsi RIS akhir kepada MyCC**. Jika pilihan dan syor di dalam RIS tidak menangani gangguan terhadap persaingan, MyCC boleh mengambil tindakan di bawah **Akta Persaingan 2010 (Akta 712)** dan **Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713)** setelah menerima aduan.



# Proses Penilaian Akhir Keseluruhan



# Bahagian III

## Senarai Semak Penilaian Impak Persaingan (CIA)

Senarai Semak CIA ialah satu **set empat (4) soalan utama** berserta **sub-soalan** untuk membantu pengawal selia dalam mengenal pasti isu persaingan yang berpotensi di peringkat awal proses pembangunan dasar. Sekiranya Senarai Semak ini terpakai, siasatan lanjut mengenai sekatan persaingan perlu dilakukan.

**S1:**  
**Mengehadkan bilangan pembekal**

**S2:**  
**Mengehadkan keupayaan pembekal untuk bersaing**

**S3:**  
**Mengurangkan insentif kepada pembekal untuk bersaing**

**S4:**  
**Mengehadkan pilihan dan maklumat yang tersedia kepada pelanggan**

## S1: Mengehadkan bilangan atau julat pembekal

Memberi hak eksklusif untuk membekal

Pembelian, francais atau lesen kepada pembekal tunggal

Meletakkan had tetap kepada bilangan pembekal

Menetapkan skim pelesenan yang mengawal kualiti

Meningkatkan kos kepada pembekal baru atau pembekal sedia ada

## S2: Menghadkan keupayaan pembekal untuk bersaing

Mempengaruhi harga yang akan dikenakan oleh pembekal

Mempengaruhi sebahagian besar ciri-ciri produk yang dikeluarkan oleh pembekal

Mengehadkan saluran jualan yang boleh digunakan oleh pembekal

Berkongsi maklumat

Menyekat keupayaan untuk pembekal mengiklankan produk

Menetapkan had ke atas proses pengeluaran

### **S3: Mengurangkan incentif kepada pembekal untuk bersaing**

Memberi incentif kepada pembekal untuk menyelaras aktiviti persaingan di antara mereka

### **S4: Mengehadkan pilihan maklumat yang tersedia kepada pelanggan**

Mengehadkan keupayaan pelanggan untuk membuat keputusan daripada siapa mereka membeli

Meningkatkan kos penukaran pembekal

Menukar maklumat sedia ada kepada pelanggan tanpa meningkatkan keupayaan mereka untuk membuat keputusan

## CONTOH: Soalan-soalan di dalam Senarai Semak CIA akan terpapar selepas soalan analisis RIA:

### 4 SOALAN UTAMA:

#### ADAKAH CADANGAN ANDA: (SILA PILIH SATU)

- Mengehadkan bilangan atau julat pembekal?
- Mengehadkan keupayaan pembekal untuk bersaing?
- Mengurangkan insentif pembekal untuk bersaing?
- Mengehadkan pilihan dan maklumat yang tersedia kepada pelanggan?
- Tiada satu pun di atas

### SUB-SOALAN:

#### SILA PILIH IMPAK YANG PALING RELEVAN DARI CADANGAN ANDA

- ✓ Jika terus mengehadkan, adakah ia...
  - Memberikan hak eksklusif untuk pembekal?
  - Pembelian, francais atau lesen daripada pembekal tunggal atau kumpulan terhad pembekal?
  - Memperkenakan skim pelesenan yang meletakkan had tetap pada bilangan pembekal?
  - Memperkenalkan skim pelesenan yang mengawal kualiti?
- ✓ Jika secara tidak langsung mengehadkan, adakah ia...
  - Meningkatkan kos pembekal semasa dengan ketara, menyebabkan mereka keluar dari pasaran?
  - Meningkatkan kos pembekal baharu dengan ketara berbanding sedia ada atau pembekal semasa

# Bahagian IV

## Garis Panduan Penilaian

## Impak Persaingan (CIA)

# APAKAH GARIS PANDUAN CIA?

- Dokumen teknikal yang terperinci mengenai penilaian persaingan yang mengandungi soalan utama untuk dipertimbangkan semasa melaksanakan penilaian impak persaingan (CIA).
- Termasuk syarat yang perlu dipatuhi oleh pengawal selia sekiranya Senarai Semak CIA terpakai, khususnya untuk Elemen 3 dan 4 RIA.

Draf Garis Panduan Penilaian Impak Persaingan (CIA) | 10 Nove...

Draf Garis Panduan Penilaian Impak Persaingan (CIA) | 10 November 2022

## BAB 1

### PENGENALAN KEPADA PENILAIAN IMPAK PERSAINGAN

#### 1. Ringkasan Eksekutif

1. Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") ialah pihak yang berkuasa memegang dan mentadbir kepentikan penilaian persaingan. Fungsinya adalah untuk menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan, yang menggalakkan proses kompetitif, peningkatan dalam kualiti produk dan perkhidmatan dan pilihan yang lebih luas daripada pengguna.
2. Penilaian Impak Persaingan ("CIA") ialah proses untuk meneliti kesan persaingan undang-undang dan peraturan bagi memastikan ia pro-persaingan dan Garis Panduan ini berhasrat untuk memberi panduan kepada pengawal selia kaedah-kaedah yang boleh diterima pakai dalam penelitian undang-undang dan peraturan.
3. CIA adalah penting untuk memastikan bahawa undang-undang dan peraturan tidak membawa seketulan yang tidak perlu kepada persaingan dan membantu mencari alternatif yang masih boleh mencapai objektif yang sama yang ingin dicapai oleh pengawal selia.
4. MyCC bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia ("MPC") untuk menyemak dan mengkaji proses penelitian kesan persaingan undang-undang dan peraturan untuk memastikan ia pro-persaingan.
5. Pengawal selia dikehendaki menjalankan CIA apabila menerima notifikasi daripada MPC yang memerlukan CIA dalam Analisis Impak Kawal Selia ("RIA") selepas penghantaran Notifikasi Kawal Selia Digital ("DRN").
6. RIA ialah proses yang diperlukan di bawah Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan ("NPGRP") yang dilancarkan pada Julai 2021 menurut Pekeliling Am Bil. 1/2021. Objektif NPGRP adalah antara lainnya untuk menggalakkan sistem kawal selia yang berkesan, cekap dan bertanggungjawab serta proses pembuatan undang-undang yang menyokong usaha untuk merealisasikan matlamat pembangunan ekonomi negara.<sup>2</sup>.
7. Secara amnya, RIA ialah satu proses penganalisaan secara sistematis kesan peraturan baharu atau peraturan yang dicadangkan. Ciri-ciri penting RIA ialah pembuatan keputusan berdasarkan maklumat dan bukti, untuk campur tangan pengawal selia dalam sebarang masalah dan pilihan-pilihan, perundingan pihak berkepentingan, analisis faedah-kos dan strategi pelaksanaan. Di bawah ini ialah tujuh (7) elemen RIA yang perlu dipenuhi oleh pengawal selia.:

<sup>1</sup> [https://www.mpc.gov.my/ngrp/newfiles/policy\\_B1.pdf](https://www.mpc.gov.my/ngrp/newfiles/policy_B1.pdf)


<sup>2</sup> Dasar Negara Bagi Amalan Baik Peraturan, m/s 4

## KANDUNGAN

Glosari .....
<b>Bab 1 Pengenalan kepada Penilaian Impak Persaingan .....</b>
1. Ringkasan Eksekutif .....
2. Jenis-Jenis CIA .....
3. Proses-Proses CIA .....
<b>Bab 2 CIA Senarai Semak .....</b>
1. Pengenalan .....
2. Senarai Semak CIA .....
<b>Bab 3 Mengenalpasti Pilihan .....</b>
1. Pengenalan .....
2. Langkah Mengenalpasti Pilihan .....
<b>Bab 4 Perbandingan Pilihan .....</b>
1. Pengenalan .....
2. Konsep Latar Belakang .....
3. Analisis Kualitatif .....
4. Analisis Kuantitatif .....
<b>Bab 5 Ex Pra Penilaian .....</b>
Siasatan dan Maklumat Lanjut .....

# PENAMBAHAN BARU! ELEMEN 3 DALAM RIA: OPSYEN


## SYARAT-SYARAT CIA



Mengenalpasti tujuan peraturan.




Mengenalpasti elemen khusus yang membangkitkan gangguan terhadap persaingan.



Menambah opsyen alternatif yang mungkin tidak menimbulkan gangguan terhadap persaingan.

# PENAMBAHAN BARU! ELEMEN 4 DALAM RIA: ANALISIS IMPAK


## SYARAT-SYARAT CIA



Mengenalpasti opsyen peraturan dan menyediakan opsyen alternatif yang mungkin tidak menimbulkan gangguan terhadap persaingan.



Mewajarkan bahawa faedah melebihi kesan bagi opsyen peraturan yang mungkin menimbulkan gangguan terhadap persaingan.



Mengenalpasti akibat daripada memilih opsyen peraturan yang mungkin menimbulkan gangguan terhadap persaingan.

# Terima kasih

[spiad@mycc.gov.my](mailto:spiad@mycc.gov.my)

Malaysia Competition Commission

Level 15, Menara SSM @Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

- t +603 2273 2277
- f +603 2272 2293
- w [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

